

20 FEBRUARI 2018

Geng 36 kena jerat

NOR AINNA HAMZAH

REMBAU

Sindiket dadah didalangi lapan anggota kongsi gelap Geng 36 berjaya ditumpaskan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dalam dua operasi memabihkan lapan serbuan di sekitar Negeri Sembilan dan Selangor.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, operasi bersama Sting Bukit Aman dengan kerjasama JSJN Selangor pada Selasa lalu, menyerbu enam lokasi termasuk di ladang temakan lembu Kampung Kundur Tengah Rembau di sini.

Menurutnya, hasil serbuan di lokasi makmal syabu berkenaan, pihak berkuasa menemui pelbagai jenis alatan serta bahan kimia memproses dadah termasuk 84kg cecair Methamphetamine yang mampu menghasilkan 33.6kg syabu.

"Dalam serbuan ini, dua lelaki tempatan dan tiga lelaki warganegara India ditangkap.

"Operasi pertama berakhir jam



Mohamad (dua, kanan) menunjukkan sebahagian dadah dirampas dalam dua operasi memabihkan lapan serbuan oleh JSJN bersama Sting Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor.

4.30 pagi itu, seramai 12 ahli sindiket ditangkap antaranya di Rembau, Negeri Sembilan; Kajang, Batu Caves dan Ampang, Selangor.

"Dalam operasi kedua bermula jam 5.30 petang Rabu lalu, dua serbuan dilancarkan di mana dadah jenis ganja serta empat ahli sindiket

ditangkap kedua-duanya di Bukit Jelutong, satu serbuan di hadapan sebuah premis dan satu lagi di sebuah kediaman," katanya di Dewan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rembau di sini, semalam.

Berikutan itu, seramai 16 individu iaitu 14 lelaki dan dua wanita 23

Geng 36 kena jerat

Statistik rampasan dadah 1 Januari -13 Februari 2018

SINETIK	
Syabu	= 172.51 kilogram (kg)
Ketamin	= 3.07 kg
Pil ekstasi	= 3,315 biji
Pil yaba	= 58,306 biji
Pil erimin 5	= 24,974 biji
TRADISIONAL	
Ganja	= 233.53 kg
Heroin	= 48.93 kg
Nilai keseluruhan rampasan dadah	= RM 15.93 juta
Nilai sitaan harta	= RM 12.24 juta
Nilai harta yang dilucutkan	= RM 0.41 juta

hingga 40 tahun ditahan.

Jelasnya, lapan suspek dipercayai ahli kongsi gelap Geng 36 dan tiga lelaki warganegara India pula berusia 30 hingga 42 tahun.

"Dalam dua operasi ini, kita merampas 26.52 kilogram dadah di-syaki syabu, 84 kilogram cecair Meth Oil, 635.19 kilogram cecair kimia, 120.37 kilogram serbuk kimia dan 47.3 kilogram ganja yang mana nilai keseluruhannya RM 4.3 juta.

"Kita turut membuat sitaan bernilai RM323,000 memabihkan tujuh kenderaan antaranya BMW 320i, Toyota Altis, Perodua Alza, Perodua

MyVi, Proton Waja, Proton Satria dan Proton Saga; sebuah motosikal, wang tunai 4,660 Rupees, wang tunai RM4,721 dan lima akaun bank.

Mohamad berkata, bagi anggaran dadah jenis syabu yang dirampas, ia mampu dibekalkan kepada 300,000 individu dan ganja pula dibekalkan kira-kira 95,000 individu.

Katanya, kesemua suspek di-remam di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Turut hadir, Ketua Polis Negeri Sembilan, Deputi Komisiner, Datuk Noor Azam Jamaludin.